MOHAMMAD ABU SHALEH lwn. KETUA PENGARAH IMIGRESEN MALAYSIA & YANG LAIN DAN SATU LAGI KES

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
AZMAN ABDULLAH H
[PERMOHONAN JENAYAH NO: 44-105-07-2018 & 44-107-07-2018]
8 OKTOBER 2018

TAHANAN PENCEGAHAN: *Habeas corpus – Permohonan – Pemohon-pemohon ditangkap oleh pihak berkuasa Imigresen – Pemfailan notis usul memohon pemohon-pemohon dibebaskan atas tahanan salah – Sama ada terdapat ketidakpatuhan undang-undang dan prosedur – Sama ada tahanan melebihi 14 hari sebelum dibawa ke Majistret – Sama ada perintah pengusiran yang dikeluarkan mempunyai elemen-elemen niat jahat – Sama ada pihak imigresen bertindak luar aturan undang-undang – Akta Imigresen 1959/63,* ss. 15(1)(c), 34(1), 51(5)(b), 59A(1) dan (2)

Kedua-dua pemohon ditangkap oleh pihak berkuasa Imigresen Malaysia bersekali dengan beberapa orang lain pada 1 Jun 2018. Kedua-dua pemohon telah memasuki Malaysia dengan Pas Khas pemohon yang tamat pada 11 November 2017 dan Program Penggajian Penempatan Semula PATI (Program Rehiring) dengan Syarikat Biniris Asia Sdn Bhd ('SBASB') pada 22 Disember 2016. Tiada syarat yang menyekat pemohon bawah program ini untuk disyaratkan bekerja di tempat tertentu sahaja. Selepas tangkapan, mereka tidak dituduh mahupun dibebaskan dan ditahan di pusat tahanan responden keempat sehingga proses pengusiran boleh diambil atas pemohon-pemohon oleh responden pertama. Semasa mereka ditahan pada 1 Jun 2018, pemohon-pemohon masih lagi tertakluk bawah Pekeliling Bil 21 TH 2017 sehingga 30 Jun 2018 barulah penguatkuasaan boleh dijalankan. Kedua-dua pemohon telah memfailkan notis usul bersama afidavit sokongan, memohon satu writ *habeas corpus* dikeluarkan agar pemohon dibebaskan atas satu tahanan salah oleh responden-responden. Isu-isu yang timbul adalah (i) sama ada terdapat ketidakpatuhan undang-undang substantif dan prosedur; (ii) sama ada tahanan melebihi 14 hari sebelum dihadapkan ke Majistret; (iii) sama ada perintah pengusiran yang dikeluarkan oleh responden pertama berniat jahat; dan (iv) sama ada pihak imigresen telah bertindak luar aturan dan undang-undang.

Diputuskan (membenarkan permohonan kedua-dua pemohon):

(1) Pemohon-pemohon, dalam notis usul mereka, telah menyatakan peruntukan seksyen-seksyen yang berkaitan s. 365 Kanun Tatacara Jenayah, s. 25(2) Akta Mahkamah Kehakiman 1964, per. 4, 5, 6, 8, 10 dan 11 Perlembagaan Persekutuan, s. 6(1)(c), 9, 14, 15, 31, 34 dan 35 Akta Imigresen 1959/63, per. 19 dan s. 26 Peraturan-Peraturan Imigresen 1963. Berasaskan peruntukan s. 59A(1) dan (2) Akta Imigresen 1959/63 adalah berkaitan dengan isu sama ada terdapat ketidakpatuhan oleh pihak responden, di dalam tahanan, tiada

pertuduhan dan pengusiran pemohon. Ternyata pemohon menepati keperluan s. 59A(1) dan (2) ini, dan ini dapat dilihat di dalam relief-relief yang dipohon adalah jelas menyatakan suatu perintah writ *habeas corpus* yang dipohon di mahkamah ini. Mod yang digunakan pemohon adalah betul. (perenggan 19-21)

(2) Pemohon, seorang bukan warganegara Malaysia, ditangkap bawah peruntukan s. 51(5)(b) Akta Imigresen yang mengehadkan tahanan maksima selama 14 hari sahaja dari tarikh tangkapan dan selepas itu wajib dibawa ke hadapan Majistret dan barulah boleh dipohon tahanan lanjut. Pemohon-pemohon ditangkap pada 1 Jun 2018 dan hanya pada 19 Jun 2018 dibawa ke hadapan Majistret. Sepatutnya adalah pada 15 Jun 2018. Oleh itu, berlakunya kelewatan empat hari. Kelewatan empat hari tersebut tidak dijawab dan diterangkan kenapa berlaku kelewatan melampau. (perenggan 22-24)

(3) Bawah Pekeliling Bil 25/17 mana-mana PATI berada bawah naungan Program Rehiring sepatutnya ditangkap sebelum 30 Jun 2018. Dalam kes ini pemohon-pemohon dan rakannya bukan sahaja ditangkap pada 1 Jun 2018 namun diperintah usir bertarikh 25 Jun 2018 oleh responden pertama. Responden pertama mahukan mereka yang ditangkap di bawah Program Rehiring diusir secepat mungkin walaupun 'pending' keputusan permohonan mereka di mahkamah ini. Perintah Tahan Usir pihak responden dikeluarkan menurut s. 34(1) Akta Imigresen kerana melanggar s. 15(1)(c) Akta Imigresen melebihi tempoh *pass* yang dibenarkan oleh pemohon. Oleh itu, adalah tidak benar jika *pass* pemohon telah tamat tempoh kerana mereka ini berada dalam Program Rehiring. (perenggan 25 & 26)

(4) Pihak imigresen bertindak luar peraturan dan undang-undang dan tidak boleh menangkap dan mengusir pemohon selepas pemohon-pemohon mengikuti 'program rehiring' ini, jika tidak, pihak Kerajaan boleh dipertanggungjawabkan sebagai memecah syarat arahan dalam Pekeliling 27/2017 dan memungkiri perjanjian dengan pihak PATI kerana walaupun mereka telah berdaftar dengan MYEG dan membuat bayaran tertentu tetapi mereka boleh lagi ditangkap dan dikategorikan semula sebagai seorang 'PATI.' Pemohon-pemohon telah berjaya membuktikan mereka bukanlah 'PATI' pada masa ditangkap oleh pihak imigresen dan tetap sah tinggal di Malaysia sehingga satu kelulusan diberikan di bawah Program Rehiring atau dipulangkan wang yuran yang dikutip. (perenggan 11)

Kes-kes yang dirujuk:
*Mohammad Jafor Hossain lwn. PP [2017] 8 CLJ 717 HC **(diikuti)***

Perundangan yang dirujuk:
Courts of Judicature Act 1964, s. 25(2)
Criminal Procedure Code, s. 365
Federal Constitution, arts. 4, 5, 6, 8, 10, 11
Immigration Act 1959/63, ss. 6(1)(c), 9, 14, 15(1)(c), (4), 31, 33(1), 34(1), 35, 51(5)(b), 56(2), 59A(1), (2)
Immigration Regulations 1963, regs. 19, 26, 39(b)

Bagi pihak pemohon - Harpal Singh; T/n T Harpal & Assocs
Bagi pihak responden/pendakwaan - Nurul Hanawi; PKP

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Azman Abdullah H:

Latar Belakang Kes

[1] Mahkamah Tinggi ini menyatukan kedua-dua kes ini di dalam satu alasan penghakiman oleh kerana bukan sahaja ia didengar secara bersama-sama malah fakta kes adalah sama.

[2] Kedua-dua pemohon telah memfailkan notis usul bertarikh 6 Julai 2018 bersama afidavit sokongan, memohon satu writ *habeas corpus* dikeluarkan untuk pemohon dibebaskan atas satu tahanan salah oleh pihak responden-responden.

[3] Mahkamah Tinggi ini pada 30 Ogos 2018 setelah mendengar permohonan pemohon-pemohon di dalam kedua-dua kes ini telah membuat perintah membenarkan suatu writ *habeas corpus* dikeluarkan ke atas kedua-dua pemohon dan pemohon-pemohon tidak boleh ditangkap semula oleh responden.

[4] Pihak responden-responden tidak berpuas hati dan telah memfailkan notis rayuan ke Mahkamah Persekutuan untuk kedua-dua kes ini.

Fakta Kes

[5] Kedua-dua pemohon ini ditangkap oleh pihak berkuasa Imigresen Malaysia bersekali dengan beberapa orang yang lain kesemuanya 12 orang pada 1 Jun 2018 di sekitar Jalan Hang Lekir, Kuala Lumpur. Kedua-dua pemohon memasuki Malaysia dengan pas khas pemohon tamat pada 18 November 2017 dan Program Penggajian dan Penempatan Semula PATI (Program Rehiring) dengan Syarikat Biniris Asia Sdn Bhd (SBASB) pada 22 Disember 2016 dan tiada syarat yang menyekat pemohon di bawah program ini untuk disyaratkan bekerja di tempat tertentu sahaja misalnya dengan SBASB. Program Rehiring ini bermula dari 15 Februari 2016 (lihat surat KDN – eks. C pemohon).

[6] Namun, selepas tangkapan, mereka tidak dituduh mahupun tidak dibebaskan dan ditahan di pusat tahanan responden keempat sehingga proses pengusiran boleh diambil ke atas pemohon oleh responden pertama. Semasa tarikh mahkamah membuat perintah ini, pemohon masih di pusat tahanan responden keempat. Namun terdapat rakan-rakan pemohon di dalam guaman 44-104-07-2018 Md Arif Hossain telah diusir semasa pendengaran permohonan pemohon ini walhal semasa pemfailan permohonan ini pemohon Md Arif Hossain masih ditahan di pusat tahanan.

[7] Pemohon-pemohon semasa tarikh tangkapan berada di dalam Program Penggajian dan Penempatan Semula PATI (Program Rehiring). Program Rehiring ini diperkenalkan oleh Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Imigresen Malaysia bagi tujuan membolehkan mana-mana bakal majikan mengambil pekerja yang bertaraf Pendatang Tanpa Izin (PATI) disahkan status mereka melalui program ini dan diambil bekerja dengan mereka apabila diluluskan kelak.

[8] Di dalam Program Rehiring untuk kedua-dua pemohon ini, bakal majikan adalah BASB (lihat afidavit pertama pemohon bertarikh 5 Julai 2018). Mana-mana majikan yang hendak mengambil pekerja bertaraf PATI ini perlu memohon di bawah 'Program Rehiring' dan hanya boleh menggunakan mana-mana satu daripada tiga buah syarikat vendor ini sahaja untuk memproses permohonan mereka sebagai orang tengah antara majikan-pemohon dengan JIM. Tiga syarikat tersebut ialah:

(a) Syarikat Konsortium PMF (MyEG);

(b) Syarikat Bukit Megah Sdn Bhd;

(c) Syarikat International Marketing And Net (Iman) Resources S/B.

[9] Untuk memproses permohonan oleh bakal majikan yang memohon. Tiga syarikat vendor ini dilantik oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN). Mahkamah ini semasa bertanya kepada Timbalan Pendakwa Raya yang mewakili Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) berapa ramai PATI yang memohon program ini, Tuan TPR memberitahu melebihi 100 ribu orang PATI.

[10] Di dalam dua kes kita pada hari ini, majikan BASB telah membuat bayaran-bayaran berikut untuk membolehkan setiap PATI menyertai program anjuran KDN dan JIM ini, bayaran-bayaran semua dibuat ke dalam akuan responden pertama (JIM) iaitu;

(i) Majikan membayar pada 31 Oktober 2017 pendaftaran levi RM5,500 untuk setiap pemohon Mohammad Abu Shaleh dan Al Amin bawah s. 56(1)(D) Akta Imigresen 1959/63 kepada JIM;

(ii) Majikan juga membayar levi kepada JIM sebanyak RM1134.52 melalui 'MyEG' pada 20 Disember 2016 untuk kedua-dua pemohon dari 20 Disember 2016 iaitu 30 bulan sebelum tangkapan;

(iii) Selain daripada itu, setiap PATI ini telah dikompaun sebanyak RM400 untuk membolehkan mereka terus tinggal di Malaysia (bayaran kompaun) dibuat pada 28 Februari 2017 atas kesalahan s. 15(4) Akta Imigresen.

[11] Apa yang menarik ialah sepatutnya tiga syarikat vendor yang dilantik oleh responden yang berurusan dengan JIM untuk membolehkan pemohon/PATI ini diberi permit kerja dan kebenaran tinggal di Malaysia di bawah Program Rehiring ini.

Perlanjutan Masa Sehingga 30 Jun 2018 Juga Ditetapkan Oleh JIM

[12] Sehingga tarikh 29 Disember 2017, tiada sebarang kebenaran atau permit dikeluarkan oleh pihak responden pertama kepada pemohon-pemohon. Oleh itu melalui Pekeliling Imigresen Malaysia, Terhad Bil. 21 Tahun 2017 yang ditandatangani oleh responden pertama telah melanjutkan Program Penggajian dan Penempatan Semula PATI (Program Rehiring) kepada 30 Jun 2018. (eks. E pemohon).

[13] Dengan kata lain semasa mereka ditahan pada 1 Jun 2018 masih lagi tertakluk di bawah Pekeliling Bil. 21 TH 2017 sehingga 30 Jun 2018 baharulah penguatkuasaan boleh dijalankan. Apa jua hujahan atau mana-mana pekeliling yang lain yang membatalkan pekeliling lanjutan hingga 30 Jun 2018 ini dikemukakan oleh pihak responden, masih lagi tiada sebarang wang dipulangkan kepada majikan pemohon yang dikutip oleh responden pertama dan responden kedua.

[14] Ini sememangnya mendatangkan kerugian kewangan dan tenaga kerja kepada majikan dan ketidakadilan kepada pemohon-pemohon walaupun mereka masih dalam kebenaran tinggal menurut arahan responden namun akhirnya JIM mengambil jalan membelakangi peraturan yang mereka sendiri tetapkan dan melepaskan tangan dan mengatasi kegagalan Program Rehiring ini dengan menangkap pomohon-pemohon.

[15] Jika 100,000 orang yang memohon dengan program yang dianjurkan oleh responden, tidakkah responden bertindak secara berlawanan dengan undang-undang dan peraturan yang ada (lihat di bawah). Berapa juta yang telah tiga syarikat vendor dan JIM ini mendapat wang kutipan levi daripada program ini dan segala bayaran melalui JIM.

[16] Dihujahkan oleh Timbalan Pendakwa Raya bahawa pemohon-pemohon didapati bekerja tidak dengan majikan berdaftar namun gagal dikemukakan oleh pihak responden akan syarat-syarat yang mereka perlu bekerja dengan mana-mana majikan yang memohon sementara atau selepas permohonan mereka diluluskan.

[17] Responden pertama secara peribadi adalah masih orang yang sama dan secara undang-undangnya kenapa tidak boleh ditunggu selepas 30 Jun 2018 baru tindakan penangkapan ke atas pemohon-pemohon diambil sekurang-kurangnya. Di mana pula wang yang telah dibayar oleh pemohon kepada responden.

A **Kronologi Selepas Tangkapan 1 Jun 2018 Sehingga 30 Jun 2018**

[18] 19 Jun 2018 – Permohonan sambung reman di hadapan Majistret di bawah s. 51(5)(b) (lihat ekshibit responden C). Menurut s. 51(5)(b) dalam masa 14 hari reman perlu dipohon untuk warga asing.

B 20 Jun 2018 – Peguam bela pemohon-pemohon ada membuat rayuan kepada Jawatankuasa Rayuan Imigresen Malaysia (JKRIM).

25 Jun 2018 – Perintah pengusiran di bawah s. 56(2) Akta Imigresen dikeluarkan oleh JIM.

C 27 Jun 2019 – JIM ada menulis surat bertarikh 27 Jun 2018 kepada defendan keempat memohon penangguhan sementara pengusiran (lihat eks. E responden) tujuan rayuan JKRM.

3 Julai 2018 – Permohonan sambung reman dibuat di hadapan Majistret.

17 Julai 2018 – Permohonan sambung reman dibuat di hadapan Majistret.

D **Ketidakpatuhan Undang-undang Substansif Dan Prosedur**

Mode Yang Pemohon Gunakan Adalah Betul

[19] Pihak responden ada membuat cabaran atas mode atau kaedah yang pemohon gunakan untuk mode permulaan permohonan jenayah bagi suatu E perintah writ *habeas corpus*. Pihak pemohon di dalam notis usul mereka telah nyatakan peruntukan seksyen-seksyen yang berkaitan s. 365 Kanun Tatacara Jenayah, s. 25(2) Akta Mahkamah Kehakiman 1964, per. 4, 5, 6, 8, 10 dan 11 Perlembagaan Persekutuan, ss. 6(1)(c), 9, 14, 15, 31, 34 dan 35 Akta Imigresen 1959/63, Peraturan 19 dan 26 Peraturan-Peraturan Imigresen F 1963.

[20] Mahkamah Tinggi ini memutuskan bahawa berasaskan peruntukan s. 59A(1) dan (2) Akta Imigresen 1959/63 adalah berkaitan dengan isu sama ada terdapat ketidakpatuhan oleh pihak responden di dalam tahanan, tiada pertuduhan dan pengusiran pemohon.

G

59A. Exclusion of judicial review

(1) There shall be no judicial review in any court of any act done or any decision made by the Minister or the Director General, or in the case of an East Malaysian State, the State Authority, under this Act except in regard to any question relating to compliance with any procedural H requirement of this Act or the regulations governing that act or decision.

(2) In this section, "judicial review" includes proceedings instituted by way of:

(a) an application for any of the prerogative orders of *mandamus*, I prohibition and *certiorari*;

(b) an application for a declaration or an injunction;

(c) any writ of *habeas corpus*; or

(d) any other suit or action relating to or arising out of any act done or any decision made in pursuance of any power conferred upon the Minister or the Director General, or in the case of an East Malaysian State, the State Authority, by any provisions of this Act.

[21] Ternyata permohonan pihak pemohon adalah menepati keperluan s. 59A(1) dan (2) ini. Ini dapat dilihat di dalam relief-relief yang dipohon di perenggan 5 dan 6 adalah jelas menyatakan suatu perintah writ *habeas corpus* yang dipohon kepada mahkamah ini.

Tahanan Melebihi 14 Hari Sebelum Dibawa Di Hadapan Majistret

[22] Pemohon bukan warganegara Malaysia adalah ditangkap di bawah peruntukan s. 51(5)(b) Akta Imigresen yang mengehadkan tahanan maksima selama 14 hari sahaja dari tarikh tangkapan dan selepas itu wajib dibawa ke hadapan Majistret dan barulah boleh dipohon tahanan lanjut.

[23] Pemohon-pemohon ditangkap pada 1 Jun 2018 dan hanya pada 19 Jun 2018 dibawa di hadapan Majistret yang sepatutnya 15 Jun 2018. Maka telah berlaku kelewatan selama empat hari. Tahanan lanjut hanya diberikan oleh Majistret dari 20 Jun 2018 hingga 4 Julai 2018 dan 13 Julai 2018 dan seterusnya (tiada rekod) (afidavit 'CM' 4-resp 4).

51. Powers of search and arrest

1) …

2) …

3) …

4) …

5) Notwithstanding anything contained in this Act or in any subsidiary legislation made under this Act:

(a) where any person who is a citizen is arrested or detained under this Act otherwise than for an offence against this Act, and has not been earlier released, he shall without unreasonable delay, and in any case within twenty-four hours (excluding the time for any necessary journey), be produced before a Magistrate and shall not be further detained in custody without the Magistrate's authority; and

(b) where any person **other than a citizen is arrested** or detained under this Act, whether for an offence against this Act or otherwise than for such offence, and has not been earlier released, or charged in court for an offence against this Act or removed from Malaysia under this Act, he shall, **within fourteen days of his arrest** or detention, be produced before a Magistrate who shall make an order for his detention for such period as may be required by an immigration officer or a police officer for the purpose of investigations into an offence against this Act, or by an immigration officer for the purpose of either making inquiries, or effecting his removal from Malaysia, under

A this Act, and any provision of this Act or any subsidiary legislation made under this Act providing for the arrest or detention, otherwise than for an offence, of a person who is a citizen, or for the arrest or detention of a person other than a citizen, whether for an offence against this Act or otherwise than for such offence, shall be read as being subject to the
B provisions of paragraph (a) or (b) , as may be applicable:

Provided that the Magistrate before whom such person is produced under paragraph (a) or (b), as the case may be, shall not authorise or order the detention of such person for a period in excess of the maximum period which may be specified in the provision under which he is to be detained.
C (penekanan ditambah)

[24] Mahkamah ini memutuskan kelewatan empat hari adalah tidak dijawab dan diterangkan kenapa berlaku kelewatan melampau.

Responden Pertama Keluarkan Perintah Pengusiran Ke Atas Pemohon Bertarikh
D *25 Jun 2018 Berniat Jahat (Mala Fide)*

[25] Seperti yang dinyatakan di atas bahawa Pekeliling Bil. 25/17 mana-mana PATI berada di bawah naungan Program Rehiring sepatutnya tidak ditangkap sebelum 30 Jun 2018. Di dalam kes hari ini pemohon-pemohon dan rakannya bukan sahaja ditangkap pada 1 Jun 2018 namun telah
E diperintah usir bertarikh 25 Jun 2018 oleh responden pertama. Malah pemohon di dalam kes nombor 44-104-07-2018 Md Arif Hossain [yang difailkan notis usul bersama-sama dua pemohon ini] telah diusir sebelum tarikh keputusan ini. Dengan kata lain, responden pertama mahukan mereka yang ditangkap di bawah Program Rehiring diusir secepat mungkin walaupun
F 'pending' keputusan permohonan mereka di mahkamah ini.

[26] Perintah tahan usir pihak responden dikeluarkan menurut s. 34(1) Akta Imigresen kerana melanggar s. 15(1)(c) Akta Imigresen melebihi tempoh *pass* yang dibenarkan oleh pemohon. Oleh itu adalah tidak benar jika *pass* pemohon telah tamat tempoh kerana mereka ini berada di dalam
G Program Rehiring.

[27] Dihujahkan oleh pihak TPR responden bahawa pemohon-pemohon melanggar syarat sah Program Rehiring di mana mereka semasa ditangkap tidak bekerja dengan majikan berdaftar di dalam program ini.

H **[28]** Mahkamah Tinggi ini bersetuju dengan hujahan peguam bela pemohon-pemohon bahawa jika benar melanggar atau gagal mematuhi syarat di dalam *pass* 'Program Rehiring' sepatutnya dituduh di bawah Peraturan 39(b) Peraturan Imigresen 1963 bukannya di bawah s. 15(1)(c) Akta Imigresen.

I **[29]** Peraturan 39(b) Peraturan Imigresen 1963 menyatakan sebagai berikut:

Any person who without reasonable cause:

(b) contravenes or fails to comply with any condition imposed in respect of, or instruction endorsed on, any Pass, Permit or Boundary Pass,

shall be guilty of an offence against these Regulations and shall be liable on conviction to a term of imprisonment not exceeding six months or to a fine not exceeding one thousand ringgit or to both such imprisonment and fine.

[30] Dengan mana-mana kesalahan di bawah melanggar syarat *pass* bukannya diperuntukkan di bawah s. 33(1) Akta Imigresen untuk membolehkan responden pertama mengeluarkan perintah pengusiran tanpa pertuduhan di mahkamah.

33. Removal of persons unlawfully remaining in Malaysia

(1) Where the presence of any person in Malaysia is unlawful by reason of section 9, 15 or 60 the person shall, whether or not any proceedings are taken against him in respect of any offence against this Act, be removed from Malaysia by order of the Director General.

(2) Any person in respect of whom an order of removal has been made under subsection (1) may appeal to the Minister* in such manner and within such time as may be prescribed:

Provided that there shall be no appeal under this subsection against an order of removal under subsection(1) made in respect of any person whose presence in Malaysia is unlawful under section 9 by reason of any order made under paragraph 9(1)(a) or by reason of the cancellation of a Pass or Permit under paragraph 9(1)(b) or 9(1)(c) respectively, or is unlawful under paragraph 15(1)(c) or section 60 by reason of the expiry of any Pass relating to or issued to him.

Bersetuju Dengan Kes Mohammad Jafor Hossain lwn. PP [2017] 8 CLJ 717

[31] Mahkamah Tinggi ini bersetuju dengan penghakiman YA Ghazali Cha HMT Shah Alam di dalam kes *Mohammad Jafor (supra)* yang faktanya sama; ditangkap dalam masa "Program Rehiring" masih berkuat kuasa. Yang Arif menyatakan seperti berikut:

[9] Setelah meneliti dokumen-dokumen yang disertakan bersama-sama permohonan ini, saya bersetuju dengan hujah peguam bela tersebut. Pemohon walaupun tidak lagi memiliki permit pekerjaan yang sah, akan tetapi selepas didaftarkan dengan "MyEG" maka status beliau sebagai "PATI" di negara ini telah berubah kepada "PATI" yang dibenarkan untuk tinggal di negara ini sehingga proses pendaftaran oleh "MyEG" selesai.

[10] Pemohon di sini mempunyai majikan iaitu LZH Construction Solutions. Beliau telah membayar sejumlah RM1,134.52 kepada pihak "MyEG" untuk program "rehiring" tersebut. Pemohon di sini telah membuktikan dirinya bukanlah "PATI" selepas membuat pendaftaran tersebut.

A [11] Mahkamah Tinggi ini berkeputusan, pihak imigresen bertindak diluar peraturan dan undang-undang dan tidak boleh menangkap dan mengusir pemohon selepas pemohon-pemohon mengikuti "program rehiring" ini, jika tidak, pihak Kerajaan boleh dipertanggungjawabkan sebagai memecah syarat arahan di dalam Pekeliling 27/2017 dan memungkiri perjanjian dengan pihak "PATI", kerana walaupun mereka telah berdaftar dengan
B "MyEG" dan membuat bayaran tertentu tetapi mereka boleh lagi ditangkap dan dikatogeri semula sebagai seorang "PATI".

[12] Mahkamah memutuskan Pemohon telah berjaya membuktikan bahawa beliau bukanlah "PATI" pada masa dia ditangkap oleh pihak Imigresen dan tetap sah tinggal di Malaysia sehingga satu kelulusan
C diberikan di bawah Program Rehiring atau dipulangkan wang fee yang dikutip.

[32] Atas alasan-alasan di atas, mahkamah ini membenarkan permohonan kedua-dua pemohon di perenggan 5 dan 6 di dalam notis usul mereka dan kedua-dua pemohon hendaklah dibebaskan daripada tahanan serta-merta dan
D tidak dibenarkan ditahan lagi selepas dibebaskan.

E

F

G

H

I